



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BINTULU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2025

BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1

Ogos

2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian:
Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada
Bahagian B.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang
disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila
dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak

BAHAGIAN A

[30 Markah]

Soalan ini **mesti** dijawab

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sekolah.

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **manfaat-manfaat menyertai aktiviti-aktiviti sekolah.***

*Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan.***

Pihak sekolah mengadakan pelbagai aktiviti sepanjang tahun seperti Hari Koperasi, Sukan Tahunan, Minggu Bahasa, Hari Kantin dan Karnival Kerjaya. Penyertaan murid dalam aktiviti-aktiviti ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan.



BAHAGIAN B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1.

Peningkatan stres dalam kalangan murid semakin membimbangkan dan perlu ditangani dengan bijak. Jika tidak dikawal, stres boleh menjejaskan kesihatan mental dan fizikal seseorang. Stres dapat ditangani dengan berkesan melalui pengamalan gaya hidup sihat seperti bersenam dan mendapatkan tidur yang mencukupi. Selain itu, murid juga boleh meluahkan perasaan kepada individu yang dipercayai seperti ibu bapa, guru atau rakan karib. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan untuk menangani stres dalam kalangan murid agar dapat melahirkan generasi yang sihat dan produktif.

Sumber: Internet

Berdasarkan petikan, huraikan cara yang terdapat dalam petikan di atas beserta cara-cara lain untuk menangani masalah tersebut.

2.

“Berbudi kepada tanah, tanah tidak tipu” merupakan salah satu peribahasa yang menggalakkan masyarakat hari ini menjalankan aktiviti pertanian. Pertanian merupakan aktiviti yang boleh menjadi punca rezeki kepada kita. Pada era globalisasi ini, aktiviti pertanian kurang mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat amnya dan khususnya dalam golongan remaja kerana kurangnya galakan menyertai aktiviti pertanian daripada keluarga. Remaja hari ini juga kebanyakan bercita-cita untuk menjadi seorang pekerja pejabat.

Sumber: Dewan Siswa, Bil.9/2022

Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan generasi muda kurang berminat dalam bidang pertanian berdasarkan petikan tersebut.

3.

Silat, taekwondo, judo, karate dan wushu adalah antara seni pertahanan diri yang semakin popular dalam kalangan masyarakat kini. Pelibatan remaja terutamanya murid-murid dalam seni bela diri ini merupakan sebahagian daripada langkah yang terbaik untuk membina kecergasan fizikal dan mental. Menyedari hakikat ini segelintir ibu bapa sanggup menggalak dan menghantar anak-anak dalam kelas seni mempertahankan diri sama ada melalui kelas formal atau tidak formal.

Sumber : *Internet*

Selain kepentingan yang dinyatakan dalam petikan di atas, huraikan kepentingan lain mempelajari seni pertahanan diri.

4. E-Sukan atau sukan elektronik ialah pertandingan permainan video secara kompetitif melalui komputer, telefon pintar atau gajet permainan. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan, lebih 3 juta pemain aktif e-Sukan di Malaysia. Industri ini menjana pendapatan berjuta-juta ringgit setiap tahun. Kini e-Sukan diterima sebagai salah satu cabang kerjaya baharu. Antara faedah e-Sukan ialah e-Sukan dapat meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dan pantas, menggalakkan kerjasama berpasukan dan komunikasi dan membuka peluang kerjaya dalam bidang teknologi dan media digital.

Sumber: *Dewan Siswa Bil.10/2021*

Bincangkan faedah-faedah tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT